

**USTAZ MOHD MAHAYUDDIN BIN HAJI ABDULLAH:
SUMBANGANNYA TERHADAP PENDIDIKAN ISLAM DI KELANTAN
(Ustaz Mohd Mahayuddin bin Haji Abdullah: His Contribution to the Islamic Education in
Kelantan)**

Oleh:

Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid*
Noorzahidah binti Mohd Zain**

Abstrak

Artikel ini membincangkan tentang sumbangan Ustaz Mohd Mahayuddin Bin Haji Abdullah terhadap pendidikan Islam di Kelantan. Setelah membincangkan latarbelakang kehidupan dan pengajian beliau, artikel ini menyentuh sumbangan beliau yang paling menonjol di dua buah institusi pendidikan Islam di Kelantan, iaitu Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) dan Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK). Turut disentuh juga usaha beliau dalam memantapkan pengajian bahasa Arab dalam pendidikan Islam di Kelantan khususnya semasa beliau bertugas di YPTIK.

Kata Kunci : Tokoh Ulama, Pendidikan Tinggi Islam, Islam di Kelantan, YPTIK, MAIK

Abstract

This article discusses regarding the contribution of Ustaz Mohd Mahayuddin bin Haji Abdullah to the Islamic education in Kelantan. Initially, background of life and his studies are discussed. Thus, it also examines his contribution to two institutions in Kelantan, which are Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) and Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK). Furthermore, it also tackles on his effort in establishment the Arabic language studies in Islamic education in Kelantan.

Keywords: Religious scholar, Islamic higher education, Islam in Kelantan, YPTIK, MAIK

Pendahuluan

Dengan bertapaknya Islam di Kelantan, Islam telah menjadi agama yang dianuti oleh semua lapisan masyarakat bermula dari baginda Sultan dan kaum kerabatnya hinggalah rakyat jelata. Islam telah berkembang seiring dengan setiap perkembangan pembangunan negeri dalam segenap aspek kehidupan masyarakat Kelantan termasuklah pentadbiran, pendidikan, kebudayaan, dan pemikiran sehingga mencorak adat resam masyarakat Kelantan. Kegiatan perkembangan agama Islam di Kelantan telah berlangsung seawal kurun 18 M lagi¹ dan telah diikuti oleh pemerintah selepasnya hinggalah ke hari ini. Watak dan kecenderungan Baginda Sultan sebagai pemerintah Kelantan sejak dulu lagi sering menampilkan gaya keislaman dan kesederhanaan dalam segala aspek.

Majlis Agama Islam Kelantan(MAIK) menjadi penanda aras perkembangan Islam di Kelantan secara tersusun. Sejak tahun 1915, segala aktiviti dan perkembangan agama Islam lebih terarah dan berpusat di MAIK. Pentadbiran Islam di Kelantan mula mendapat nafas baru dengan penubuhan MAIK yang bertindak sebagai badan perancang, penguatkuasaan undang-undang Islam² dan melaksanakan program-program keislaman yang merangkumi ibadah, pendidikan, pentadbiran masjid, nikah kahwin dan pungutan zakat serta pengagihannya. MAIK bertindak sebagai badan induk mengawal segala kegiatan keislaman di Kelantan samada ianya bersifat rasmi (anjuran agensi kerajaan) atau tidak rasmi.

* Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid, PhD., merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. E-mail: faisal@um.edu.my

** Noorzahidah binti Mohd Zain merupakan calon Sarjana di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

¹ Mohamad Sarim Haji Mustajab (1973), "Kedudukan Islam di Kelantan Menjelang Kemasukan British", Widya 9, 51-54 Mei 1973, h. 52.

² Abdullah Alwi Haji Hassan (1996), *The Administration of Islamic Law in Kelantan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 69-70.

Dimulai dengan Baginda al-Sultan Kelantan sebagai ketua dan pentadbir agama pada masa pemerintahan raja-raja Melayu adalah tertakluk di bawah kekuasaan mutlak sultan. Hal ini telah pun ditentukan dan dicatat dalam perlembagaan negeri semenjak sekian lama.³ Pemerintahan berlandaskan undang-undang Islam telah dilaksanakan secara jelas di Kelantan sejak dari 1650 lagi iaitu lebih dari 360 tahun yang lalu.⁴

Mengikuti catatan sejarah Kelantan, Sultan Long Yunus yang memerintah Kelantan pada tahun 1756 - 1795⁵ merupakan pengasas kepada keturunan kesultanan Kelantan yang ada sekarang hingga ke hari ini, telah menjalankan pemerintahan negeri berdasarkan hukum syarak.⁶ Sejak dari itu, dasar pemerintah Kelantan adalah bertunjangkan hukum syarak dalam pemerintaan kesultanan Kelantan dengan sultan sebagai ketua agama. Hsieh⁷ seorang pemerhati sejarah Melayu berbangsa Cina, menyatakan bahawa rakyat Kelantan amat patuh dengan undang-undang agama Islam kerana baginda Sultan amat kuat beragama.⁸ Tidak hairanlah jika Sultan Muhammad V (2010 hingga kini) yang memerintah Kelantan pada hari ini amat menyanjunggi para ulama dan cuba berwatak dengan watak ulama dan sering menghadirkan diri dalam majlis-majlis agama.

Dalam zaman pemerintahan Sultan Muhammad I (1800-1837), baginda Sultan amat terkenal seorang sultan yang pemurah dan menunjukkan minat yang mendalam terhadap agama. Ramai penulis sejarah Kelantan bersetuju bahawa di zaman pemerintahan baginda jawatan Mufti secara rasminya telah diwujudkan.⁹ Mufti pertama yang dilantik ialah Syeikh Abdul Halim.¹⁰ Atas nasihat mufti, baginda sultan telah berjaya mewujudkan suasana yang harmoni di Kelantan dan mengalakkan pembinaan surau dan *balaisah* (madrasah) sebagai tempat pengajian ilmu agama. Selain itu untuk memberi keselesaan kepada anak Kelantan yang menuntut di Makkah, baginda Sultan telah membina beberapa rumah wakaf di Makkah, Madinah dan Jeddah dengan menggunakan wang baginda sendiri.¹¹

Dengan dasar pemerintahan Islam yang dijunjung oleh Raja pemerintah Kelantan sekian lama menjadikan hubungan antara istana dan ulama amat akrab sekali. Jika sejarah Kelantan melakarkan sumbangan gemilang para pemerintahnya terhadap perkembangan dan pelaksanaan Islam di Kelantan, maka tidak kurang juga sumbangan para ulama Kelantan. Ramai para ulama Kelantan yang bersama mengukir kecemerlangan sejarah Islam di Kelantan malah kecemerlangan itu adalah hasil hubungan akrab antara istana dan ulama.

Secara umumnya, masyarakat Islam di Kelantan terutama di kalangan para ulama dan cendekiawan Melayu semacam mempunyai satu *trend* yang begitu menonjol untuk memartabatkan Islam secara

³ Haji Dasuki Bin Haji Ahmad, 1980, *Ikhtisar Perkembangan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. h. 558-559.

⁴ Haji Daud bin Muhammad (1999), "Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah dan Perkembangan Undang-undangnya di Negeri Kelantan", *Majalah al-Wasilah*, bil. 2, Kota Bharu: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, Jun 1999, h. 38-39.

⁵ Nik Ahmad bin Hj. Nik Hassan (1964/65), "Kajian Ringkas Mengenai Keturunan Long Yunus Kelantan Dari 1756-1920", *Jurnal Persatuan Sejarah Kelantan*, bil. 1, Kota Bharu: Persatuan Sejarah Kelantan, h. 39.

⁶ Rahmat Saripan (1979), *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan 1776-1842*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 45

⁷ Seorang pemerhati sejarah Melayu berbangsa Cina bernama Hsieh Chi'ng Kao yang pernah melawat Kelantan dalam zaman pemerintahan Long Yunus.

⁸ Abdullah Nakula (1964), "Kelantan Dalam Zaman Long Yunus", *Jurnal Persatuan Sejarah Kelantan*, bil. 1, Kota Bharu: Persatuan Sejarah Kelantan, h. 75

⁹ William R. Roff (1974), *Kelantan: Religion, Society And Politics In Malay State*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 126.

¹⁰ Syeikh Abdul Halim merupakan seorang saudagar Cina yang masuk Islam dan dijadikan anak angkat kepada Long Yunus, beliau kemudiannya di hantar ke Mekah untuk mempelajari ilmu agama bersama dengan puteranya. Sekembalinya ke Kelantan, beliau giat mengajar agama di surau-surau sekitar Kota Bharu.

¹¹ Ab. Halim Ahmad & Khoo Kay Kim (ed). (1982), "Pendidikan Islam di Kelantan", *Beberapa Aspek Warisan Kelantan*, Kota Bharu: Perbadanan Musium Negeri Kelantan, h. 2.

realistik berdasarkan norma-norma masyarakat mereka ketika itu,¹² kecintaan mereka yang mendalam terhadap bangsa Melayu dan bercita-cita untuk melihat bangsa mereka berpegang teguh kepada agama dan maju di dalam politik dan ekonomi. Atas rasa keprihatinan itulah, gabungan ulama, tokoh istana dan cendekiawan Melayu mula mengorak langkah mencampuri percaturan beberapa perkembangan yang berlaku dalam pentadbiran negeri selepas campur tangan British. Tok Kenali bersama dengan sahabat karibnya Dato' Laksamana telah mengutarakan cadangan penubuhan MAIK kepada Tengku Paduka Raja, Menteri Besar.¹³ Hasil dari usaha beberapa orang tokoh tersebut maka baginda Sultan Muhammad IV telah mengampuni perkenan cadangan penubuhan MAIK dan pada 24hb. Disember 1915 bersamaan 17hb. Safar 1334 baginda telah memasyhurkan penubuhan MAIK dalam satu istiadat gilang gemilang di bangunan Pejabat Tanah Kota Bharu.¹⁴ Dalam majlis tersebut, antara lain baginda bertitah :

*“Bahawa kita dalam mesyuarat Council pada hari Selasa 30hb. Muharram 1334 bersamaan dengan 7hb. Disember 1915 ini sesungguhnya telah suka kita mengurniakan kepada anak-anak negeri kita satu majlis yang bernama “Majlis Ugama Dan Istiadat Melayu” kerana menimbangkan bagi kebajikan negeri Kelantan. Maka dengan sebab yang demikian itu, inilah hari yang kita mulai buka majlis ini kepada pengetahuan anak negeri kita supaya mereka itu mengetahui akan maksud kita kurniakan majlis ini...”*¹⁵

Dengan penubuhan itu, MAIK¹⁶ berjaya mengumpul golongan istana, pembesar negeri, para ulama dan cendekiawan untuk bekerjasama dalam penyebaran Islam, pengembangan pendidikan dan ilmu, meniupkan semangat kesedaran terhadap bangsa, mengembang-luaskan kegiatan penulisan dan persuratan. Akhirnya, MAIK berperanan sebagai pemangkin yang amat berkesan dalam mengendalikan pengajian Islam peringkat tinggi secara halaqah di masjid Muhammadiyah, Kota Baharu di samping mewujudkan pengajian secara persekolahan di Madrasah Muhammadiyah.

Penubuhan MAIK telah berjaya menyusun semula struktur pendidikan Islam di Kelantan. Antara pondok-pondok yang telah didirikan di Kelantan sebelum 1910 Masehi ialah Pondok Tok Pulau Chondong 1820, Pondok Tok Bachok pada tahun 1900, Pondok haji Abdul Malik, Tumpat pada tahun 1907, Pondok haji Yusof, Pulau Ubi, Getting Tumpat pada tahun 1908, Pondok Kubang Pasu Kota Bharu pada tahun 1900, Pondok Sungai Budor, Pondok Kampung Banggol, Pondok Tuan Padang dan Pondok Tok Semian yang diasaskan oleh Haji Wan Ahmad Samad bin Mohd Salleh atau lebih dikenali dengan gelaran Tuan Tabal.¹⁷ Sistem pendidikan Islam tradisional atau pondok telah menuju ke zaman gemilangnya pada awal abad ke 20 Masehi. Pada zaman inilah pondok-pondok terdiri dengan banyaknya dan tersebar dengan luasnya di Kelantan, bahkan ada sesetengahnya purata penuntutnya mencapai angka lebih dari seribu orang.¹⁸

¹² Suatu usaha yang lebih agresif telah dilaksanakan oleh Datuk Perdana Menteri Kelantan sebagaimana yang dicatatkan oleh Hugh Clifford, yang kemudiannya diterjemahkan di dalam majalah Pengasuh pada tahun 1927.

¹³ Menurut kajian, ada tiga orang tokoh utama negeri Kelantan yang diketahui telah memainkan peranan penting ke arah penubuhan Majlis ini. Mereka ialah Haji Nik Mahmud bin Haji Wan Ismail, Haji Muhamad bin Khatib Haji Mohd. Said dan Tok Kenali. Haji Nik Mahmud (kemudiannya bergelar Dato' Bentara Setia) dan Haji Muhamad bin Khatib Haji Mohd. Said (kemudiannya dikenali dengan nama Dato' Laksamana), mengangkat sembah cadangan penubuhan ini kepada Ke bawah Duli Yang Maha Mulia al-Sultan pada tahun 1915. Cadangan ini kemudiannya telah mendapat ampuni perkenan Tuanku, dan pada 24hb. Disember tahun yang sama bersamaan 17hb. Safar 1334

¹⁴ Bangunan bersejarah ini telah tiada lagi, ianya terletak di hadapan Istana Balai Besar, Kota Bharu.

¹⁵ Petikan penuh teks tersebut di lampirkan di lampiran B.

¹⁶ MAIK menjadi institusi agama yang pertama ditubuhkan di Semenanjung Malaysia. Penubuhan MAIK lebih awal berbanding dengan penubuhan Majlis Agama Islam Johor yang ditubuhkan pada 1925 dan Majlis Agama Islam Kedah pada tahun 1948.

¹⁷ Nik Mohamed Nik Mohd Salleh (1985), “Perkembangan Pendidikan atau Pengajian Islam di Negeri Kelantan”, dalam *Warisan Kelantan IV*, c. I, Selangor : United Selangor Press Sdn. Bhd, h. 98.

¹⁸ *Ibid*, h.104.

Setelah sistem pondok berjalan begitu lama, dan memberi sumbangan yang bukan sedikit terhadap perkembangan agama Islam di Kelantan dalam keadaan begini maka wujudlah satu fahaman baru yang dipelopori oleh mereka-mereka yang mendapat pendidikan agama dari Universiti al-Azhar, apabila pulang ke tanah air mereka mendirikan sekolah-sekolah Arab untuk menyebarkan pengajaran agama Islam secara yang lebih teratur dari sistem pondok.¹⁹ Sekitar tahun 40-an hingga 50-an abad ke-20, sekolah-sekolah agama rakyat tumbuh dengan pesatnya di segenap jajahan negeri ini dengan naungan MAIK. Antara tahun 1949 hingga 1959, sebanyak 47 buah sekolah agama didaftarkan di Majlis Agama Islam Kelantan.²⁰

Jadual 1.1
Bilangan Sekolah Agama Di Kelantan Sekitar Tahun 60-an hingga 70-an

Tahun	Sekolah Yang Beroperasi	Sekolah Yang Ditutup
1960.	76	0
1961.	89	0
1962.	112	1
1963.	124	3
1964.	132	8
1965.	140	19
1966.	134	28
1967.	138	39
1968.	158	40
1969.	113	67
1970.	108	81
1971.	99	88
1972.	92	97
1973.	87	102
1974.	86	104
1975.	92	104
1976.	94	106
1977.	94	106

Sumber : *Laporan JASA Tahun 1977*

Kemuncak kepada perkembangan sistem pendidikan Islam di negeri ini ialah apabila tertubuhnya satu Insituti Pengajian Islam pada 1965 yang dinamakan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan. Terdapat ramai tokoh-tokoh akademik yang menjadi perintis kepada perkembangan yaysan ini sehingga ianya dianggap sebagai mercu tanda kepada perkembangan pendidikan Islam di Alam Melayu. Namun demikian penulis hanya menumpukan kajian ke atas tokoh-tokoh yang telah meninggal dunia sahaja mereka ialah Dato' Haji Mohd bin Che' Wook, Ustaz Mohd Ali Harun, Ustaz Ahmad Hj. Daud dan Ustaz Mohd Mahyuddin bin Abdullah

Latarbelakang Tokoh

Mohd Mahyuddin Bin Haji Abdullah Bin Haji Lembek dilahirkan di Kampung Pengkalan Pauh, Jeram, Pasir Puteh, Kelantan pada 4 Disember 1930.²¹ Beliau dilahirkan dari kalangan keluarga yang

¹⁹ *Majalah Pengasuh*, bilangan 425, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1977, h. 57.

²⁰ Pauzi bin Haji Awang (t.t), "Perkembangan Pendidikan Islam di Kelantan", dalam *Sambutan 10 Tahun Yayasan Pengajian Tinggi Kelantan*, Kota Bharu : YPTIK, h. 74.

²¹ Fail peribadi Ustaz Mohd Mahyuddin Bin Haji Abdullah di Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan.

cintakan ilmu pengetahuan. Bapa dan datuknya gigih mencari ilmu hingga ke Tanah Arab yang kaya dengan khazanah ilmu-ilmu Islam. Mereka kemudian menabur budi dan jasa dengan mengajarkan ilmu agama yang mereka perolehi di Makkah kepada masyarakat Malaysia khususnya di Kelantan. Tradisi keilmuan inilah yang diwarisi oleh Ustaz Mohd Mahayuddin Bin Haji Abdullah.²²

Ayah beliau iaitu Haji Abdullah bin Haji Lembek berasal dari Kampung Lundang, Kota Bharu, Kelantan merupakan seorang guru al-Quran yang berwibawa dan mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang Islam. Ayah beliau dibawa oleh datuknya iaitu Haji Lembek merantau jauh ke Makkah untuk mendalami ilmu agama dan Haji Lembek mampu melaksanakan hasratnya itu kerana beliau terkenal sebagai seorang peniaga lembu yang kaya. Oleh yang demikian beliau tidak ada masalah untuk menanggung sendiri perbelanjaan pendidikan anaknya di Makkah. Berkat ketekunan, usaha dan kegigihan Haji Abdullah, beliau mudah mempelajari ilmu dan dapat menguasai banyak ilmu agama. Apabila pulang ke tanah air beliau sering menerima jemputan oleh masyarakat setempat untuk mengajar kitab-kitab agama, Jawi dan Bahasa Arab di masjid dan surau di merata tempat khususnya di Kelantan. Oleh kerana memiliki kehebatan dalam ilmu-ilmu agama dan reputasi sebagai *qari* yang mempunyai suara yang baik dan lunak, beliau pernah dilantik sebagai guru al-Quran di Istana Kelantan semasa pemerintahan Sultan Ibrahim. Di antara kerabat Diraja Kelantan yang pernah menjadi anak murid beliau ialah Tengku Seri Maharaja dan Tengku Chik. Haji Abdullah meninggal dunia kerana sakit tua dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Wakaf Berangan, Pasir Puteh.²³

Ibu Mohd Mahayuddin Bin Haji Abdullah iaitu Hajjah Aminah Bt Mat Ali juga mempunyai latar belakang pendidikan agama yang baik. Hajjah Aminah merupakan guru al-Quran dan pengajian agama yang bertugas mengajar kaum wanita dan kanak-kanak di kampungnya. Beliau berasal dari Pasir Puteh, Kelantan. Bapa Hajjah Aminah iaitu Haji Mat Ali juga merupakan guru al-Quran yang pernah mendalami ilmu pengetahuan di Kota Suci Makkah. Beliau meninggal dunia dalam usia 80 tahun kerana penyakit lumpuh dan jenazahnya disemadikan di Pasir Puteh. Kewibawaan Mohd Mahayuddin banyak dipengaruhi oleh ibunya yang bertindak sebagai pembimbing dan penyokongnya yang setia.²⁴

Mohd Mahayuddin Bin Haji Abdullah dilahirkan dari kalangan keluarga yang sederhana. Sejak kecil beliau dikenal sebagai anak yang baik tingkah lakunya, manis bicaranya, jujur, rajin dan suka menolong sesiapa sahaja. Antara kegemaran beliau ialah memancing ikan dan bermain gasing bersama rakan-rakannya. Beliau mempunyai tiga orang adik beradik sahaja iaitu dua orang adik beradik sebapa dan seorang adik beradik seibu. Adik beradik sebelah bapanya bernama Fatimah Bt Haji Abdullah dan Husin Bin Haji Abdullah. Manakala adik beradik sebelah ibunya bernama Hajjah Sofiah Bt Hussin.²⁵

Mohd Mahayuddin Bin Haji Abdullah kehilangan kasih sayang seorang ayah ketika kecil sewaktu berusia 4 tahun. Lantaran itu beliau telah dididik dengan penuh perhatian, ketegasan dan kasih sayang oleh ibunya iaitu Hajjah Aminah. Apabila ayahnya meninggal dunia, ibunya sebagai seorang yang cintakan ilmu agama mengambil inisiatif berhijrah ke Kota Makkah dan menetap di sana. Di Makkah mereka tinggal di rumah seorang ulama dari Pattani, Thailand yang terkenal iaitu Syeikh Mohd Noor Pattani yang terletak berhampiran dengan Masjid al-Haram. Mohd Mahayuddin membesar dalam suasana persekitaran bangsa dan budaya Arab dan di kelilingi oleh khazanah ilmu-ilmu Islam. Perubahan tempat pendidikan ini memberi peluang yang baik baginya untuk mengalami budaya yang berbeza. Beliau menerima pendidikan awal dan peringkat menengah yang cemerlang di Tanah Arab sehinggalah beliau mengambil keputusan untuk kembali ke Malaysia semasa berumur 37 tahun.²⁶

²² Temuramah dengan Haji Yaakub Bin Awang di rumahnya di Mukim Lundang, Kota Bharu pada 18 Oktober 2002.

²³ *Ibid.*

²⁴ Temuramah dengan Hajjah Kamariah Bt Ismail, isteri tokoh di rumahnya di Jalan Masjid Lundang, Kota Bharu pada 28 Mei 2002.

²⁵ *Ibid.*

²⁶ *Ibid.*

Beliau seorang yang bercita-cita tinggi dalam pencarian ilmu pengetahuan. Minat dan kecenderungan beliau terhadap ilmu pengetahuan tidak terhenti setakat pengajian di *Al-Dar al-Ulum al-Diniyyah* sahaja. Pada tahun 1961 beliau pergi ke Mesir untuk melanjutkan pengajian di Universiti al-Azhar dalam bidang Sastera Arab. Beliau memilih bidang ini kerana minatnya yang mendalam terhadap bahasa Arab khususnya dalam aspek *balaghah*, syair dan puisi dalam bahasa Arab. Berkat ketekunannya menghasilkan kejayaan yang cukup manis apabila pada tahun 1965 beliau berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Pengajian Bahasa Arab. Seterusnya pada tahun 1966 beliau melanjutkan pengajian dalam bidang pendidikan dengan mengambil kursus Diploma Pendidikan di Universiti Ain Sham dan berjaya menamatkan pengajian tersebut. Walaupun begitu hasrat beliau untuk menyambung pengajian ke peringkat Sarjana di Universiti *al-Azhar*, Mesir terpaksa dipendam buat seketika kerana Dato' Haji Asri Bin Haji Muda yang ketika itu merupakan Menteri Besar Kelantan menghubungi beliau dan meminta agar beliau pulang ke Malaysia.²⁷ Pada masa itu Dato' Haji Asri Bin Haji Muda juga merupakan Pengerusi Majlis Tertinggi Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) dan beliau bercadang untuk mengambil Mohd Mahayuddin berkhidmat di YPTIK. Walaupun kemudiannya beliau bertugas secara tetap di YPTIK, beliau sentiasa mencari peluang untuk menimba ilmu pengetahuan. Kesempatan itu diperolehinya pada 1 Oktober 1979 apabila beliau pergi ke Makkah buat kali kedua untuk mengikuti kursus bahasa Arab selama enam bulan di Universiti Malek Abdul Aziz, Arab Saudi.²⁸

Mohd Mahayuddin Bin Haji Abdullah mengakhiri zaman bujangnya pada usia yang agak lewat iaitu ketika berusia 37 tahun apabila melangsungkan perkahwinan dengan sepupunya Hajah Kamariah Bt Haji Ismail pada 13 Mac 1967.²⁹ Perkahwinan beliau dan isterinya dilakukan dengan menghantar wakil kerana pada masa tersebut beliau masih lagi berada di Mesir. Beliau berwakilkan abang iparnya iaitu Cikgu Salleh yang merupakan seorang guru sekolah Majlis Agama Islam Kelantan di Jalan Merbau, Kota Bharu. Ketika diijabkabulkan isterinya baru berusia tujuh belas tahun. Oleh yang demikian mereka suami isteri mempunyai jarak umur yang luas iaitu dua puluh tahun. Beliau hanya pulang ke tanah air setelah beberapa bulan berkahwin. Jika dibandingkan dengan usia isterinya, beliau berkahwin dalam usia yang agak lewat³⁰ kerana kesibukan dan kesukaran dengan tugas mencari ilmu pengetahuan. Hasil daripada perkongsian hidup ini mereka dikurniakan sembilan orang cahaya mata.

Manakala dari aspek kerjayanya, beliau memulakan kerjaya dalam bidang pendidikan pada tahun 1967 setelah pulang ke Malaysia atas permintaan Menteri Besar Kelantan pada waktu itu iaitu Dato' Haji Asri Bin Haji Muda. Pada 1 Mac 1967 beliau melapor diri dan mula berkhidmat di Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) sebagai pensyarah dan disahkan ke dalam jawatan dua tahun kemudian iaitu pada 1 Mac 1969.³¹ Di sinilah beliau bersama beberapa tokoh yang lain bertanggungjawab menggerakkan proses pemantapan YPTIK sebagai sebuah institusi pendidikan Islam yang unggul. Kepakarannya dalam bahasa Arab menyebabkan beliau diberi tanggungjawab mengajar mata pelajaran nahu dan *soraf*. Keilmuannya yang meluas dan mendalam dalam bidang bahasa Arab dihormati pengurusan YPTIK dan beliau telah diberi tanggungjawab khas untuk mengkaji dan menyemak semula pengajian bahasa Arab di YPTIK.³²

Beliau bertugas sebagai pensyarah di YPTIK sehingga menamatkan perkhidmatan wajib dengan pencen pada 31 Disember 1985. Namun begitu kerana kepakarannya yang tidak ada tolok

²⁷ *Ibid.*

²⁸ Fail Peribadi, *op. cit.*

²⁹ Temuramah dengan Hajah Kamariah Bt Ismail, *op. cit.*

³⁰ *Ibid.*

³¹ Fail Peribadi, *op. cit.*

³² Temuramah dengan Profesor Madya Abdul Kadir Bin Haji Muhammad di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kota Bharu, *op. cit.*

bandingannya dalam bahasa Arab menyebabkan pihak YPTIK menawarkan jawatan pensyarah secara kontrak kepada beliau sehingga beliau meninggal dunia pada 2 September 1988.³³

Ketika berkhidmat di YPTIK juga beliau merupakan seorang pensyarah yang aktif kerana terlibat dengan beberapa ahli jawatankuasa dalam pentadbiran di YPTIK. Pada sesi pengajian 1974/75 dan sesi pengajian 1975/76, beliau dilantik sebagai Wakil Fakulti Syariah ke Lembaga Pengajian.³⁴ Bagi tempoh tahun 1975 hingga 1977 beliau merupakan salah seorang anggota Lembaga Pengajian iaitu satu badan tertinggi di YPTIK. Selain itu beliau juga turut terlibat sebagai ahli jawatankuasa persiapan sempena Sambutan 10 Tahun YPTIK.³⁵ Semua ini beliau lakukan demi untuk mengangkat martabat YPTIK sebagai institusi pendidikan yang unggul.

Kerjayanya dalam bidang pendidikan amat luas dan tidak terbatas kepada YPTIK semata-mata. Di samping bertugas sebagai tenaga pengajar di YPTIK beliau juga turut memberi perkhidmatan kepada Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK). Pada 1 Januari 1971 hingga 2 Mac 1971 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan Kelantan telah berkenan melantik beliau untuk memangku jawatan Pegawai Lembaga Peperiksaan Sekolah-sekolah Agama. Manakala mulai 7 Januari 1971 hingga Mac 1971 pula beliau dilantik oleh Al-Sultan Kelantan untuk memangku jawatan Setiausaha Lembaga Peperiksaan Sekolah-Sekolah Agama menggantikan pegawai yang bertugas kerana cuti menunaikan ibadah haji. Ini bermakna di samping berperanan sebagai ahli Lembaga Peperiksaan beliau turut memegang dua peranan lain iaitu sebagai Pegawai Lembaga dan sebagai Setiausaha Lembaga dalam satu masa.³⁶

Semasa hayatnya, Mohd Mahayuddin Bin Haji Abdullah merupakan seorang yang berkeperibadian tinggi, tidak sombong dan suka bergaul dengan semua lapisan masyarakat. Beliau tidak membataskan pergaulannya dengan golongan yang setaraf dengannya sahaja, malahan beliau melayan semua orang seperti kawan rapatnya. Sifat peramah dan mesra beliau menyebabkan beliau senang didekati oleh semua orang dan dikenali ramai walaupun seseorang itu baru mengenali beliau. Sekiranya ada masa yang terluang beliau akan pergi ke kedai kopi untuk bertemu dan beramah mesra dengan orang ramai. Oleh yang demikian tidak hairanlah sekiranya beliau dikenali ramai dan disukai oleh masyarakat umum.³⁷

Peluang yang diperolehi Mohd Mahayuddin dalam pendidikan asas ilmu keagamaan di Kota Makkah merupakan suatu kelebihan besar. Meskipun beliau berbangsa Melayu namun beliau dapat menguasai bahasa Arab dengan fasih dan lebih baik bahasa Arabnya jika hendak dibandingkan dengan penggunaan bahasa Melayu. Bahasa Arab yang beliau pertuturkan adalah setaraf dengan bahasa Arab yang dipertuturkan oleh orang Arab. Boleh dikatakan bahawa beliau amat pakar dalam semua aspek bahasa Arab. Inilah antara sebab beliau dilantik sebagai tenaga pengajar di *al-Dar al-'Ulum al-Diniyyah* bahkan pernah ditawarkan kerakyatan oleh kerajaan Arab Saudi. Tambahan pula apabila kembali ke Malaysia, beliau dijadikan pakar rujuk kepada tenaga pengajar yang mengajar bahasa Arab khususnya di YPTIK. Menyedari kewibawaan dan kehebatannya dalam bahasa Arab itulah beliau digelar *Sibawayh*.³⁸

Sebagai seorang bukan berbangsa Arab, kebolehan beliau berbahasa Arab adalah sungguh luar biasa. Oleh sebab itu tidak hairanlah sekiranya ada rombongan atau pemimpin dari negara Timur Tengah datang melawat Kelantan ataupun YPTIK, beliau akan diberi tanggungjawab sebagai Pegawai

³³ Fail Peribadi, *op. cit.*

³⁴ Aminah Bt Mohd Noor, *op. cit.*, h. 174.

³⁵ Buku Cenderamata Sambutan 10 Tahun YPTIK, *op. cit.*, h. 63.

³⁶ Fail Peribadi, *op. cit.*

³⁷ Temuramah dengan Mohd Zain Bin Hussin, anak saudara tokoh di rumahnya di Mukim Lundang, Kota Bharu pada 18 Oktober 2002.

³⁸ Temuramah dengan Profesor Madya Abdul Kadir Bin Haji Muhammad, *op. cit.*

Protokol dan Penterjemah kepada tetamu tersebut. Beliau juga sering bertanggungjawab mengiringi pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran ke Universiti al-Azhar, Mesir.³⁹

Beliau juga dianugerahi Allah seni kemahiran tangan iaitu seni khat dan seni lukis. Bakat seni ini beliau gilap ketika berada di Kota Makkah yang terkenal dengan berbagai-bagai bentuk kesenian khususnya yang berkaitan dengan ayat-ayat al-Qur'an dan al-Hadith. Di tanah air, beliau mengaplikasi dan mengkomersilkan kemahirannya. Banyak hasil lukisan dan tulisan seni khat dan tulisan jawinya digunakan sebagai papan tanda bagi syarikat-syarikat perniagaan dan sekolah-sekolah agama di Malaysia dan Selatan Thailand. Kehebatan seni kemahiran tangannya itu diakui ramai sehingga Profesor Diraja Ungku Aziz pernah mengutus surat kepada beliau untuk mengadakan perbincangan tentang seni khat. Pada masa ini bakat seni khat beliau turut diwarisi oleh dua orang anak beliau iaitu Nadian Bt Mohd Mahayuddin dan Nawal Bin Mohd Mahayuddin.⁴⁰

Sebagai seorang yang berjiwa seni, beliau juga sangat berminat terhadap seni suara khasnya suara burung. Oleh kerana itulah beliau juga mempunyai kenalan dari kalangan peminat burung dan pernah dihadiahkan oleh seorang rakannya seekor burung merbok bersuara merdu yang bernilai seribu ringgit. Selain dari itu beliau turut berminat dalam permainan sukan khususnya bola sepak. Beliau tidak setakat menonton perlawanan bola sepak bahkan beliau juga adalah pemain bolasepak yang baik. Oleh kerana beliau lama tinggal di Tanah Arab, beliau gemar masakan Arab seperti kacang pol, roti tempayan, *syurbab* dan nasi minyak. Beliau sendiri memiliki kemahiran seni masakan khususnya masakan Arab. Kegemaran beliau terhadap masakan Arab turut sama dikongsi oleh anak-anaknya. Beliau turut meminati seni perhiasan khususnya perhiasan rumah. Apabila berkesempatan ke luar negeri, beliau tidak akan melepaskan peluang untuk membeli set pinggan mangkuk yang menarik untuk dijadikan koleksi apabila dibawa pulang. Oleh kerana itu antara perhiasan utama di rumah beliau ialah berbagai-bagai koleksi set pinggan mangkuk yang cantik dan menarik.⁴¹

Setelah hampir dua puluh satu tahun menyumbang kepada kemajuan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK), pada pagi jumaat 2 September 1988 iaitu selepas waktu subuh, Mohd Mahayuddin Bin Haji Abdullah telah menghembuskan nafas yang terakhir di bilik Unit Rawatan Rapi (ICU), Hospital Besar Kota Bharu ketika berusia 58 tahun kerana menghidap penyakit jantung dan Hepatitis.⁴² Jenazahnya telah disemadikan di Tanah Perkuburan Islam Telipot, Kota Bharu. Meskipun kematiannya merupakan suatu kehilangan besar kepada YPTIK, namun ia turut memberi inspirasi kepada mereka yang mengenalinya khususnya dalam usaha memantapkan penggunaan bahasa Arab di YPTIK.

Kesimpulannya, Mohd Mahayuddin Bin Haji Abdullah merupakan tokoh yang terlibat secara langsung dalam memajukan perkembangan pendidikan Islam di Kelantan khususnya dalam mempertingkatkan mutu pencapaian bahasa Arab di kalangan para pelajar sama ada di YPTIK dan juga di sekolah-sekolah agama di negeri Kelantan.

Sumbangan Tokoh dalam Pendidikan Islam di Kelantan

Mohd Mahayuddin Bin Haji Abdullah merupakan tokoh yang terlibat secara serius dalam bidang pendidikan. Beliau banyak mengorbankan masa dan tenaga untuk mendidik anak-anak bangsanya. Hampir separuh daripada usianya dihabiskan untuk memberi penumpuan kepada bidang pendidikan sama ada untuk mendalami ilmu ataupun untuk mengajarkan ilmu pengetahuan. Penglibatan beliau dalam bidang pendidikan bermula sebaik sahaja kembali ke Malaysia daripada Mesir pada 1 Mac 1967 apabila dilantik sebagai pensyarah di YPTIK. Bermula dari saat itulah beliau mula memberi

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰ *Ibid.*

⁴¹ *Ibid.*

⁴² Temuramah dengan Hajah Kamariah Bt Ismail, *op. cit.*

sumbangan bakti kepada bidang pendidikan khususnya dalam bidang bahasa Arab. Beliau bertanggungjawab bagi memastikan mutu piawai bahasa Arab pelajar sekolah agama di Kelantan adalah setaraf dengan bahasa Arab di institusi pengajian tinggi di Timur Tengah.

Sepanjang tempoh perkhidmatannya di Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan, beliau bertugas sebagai pensyarah dan diberi tanggungjawab dalam beberapa jawatankuasa penting dalam pentadbiran. Sebagai tenaga pengajar beliau ditugaskan mengajar mata pelajaran bahasa Arab kerana kepakarannya dalam bidang tersebut. Manakala sebagai salah seorang kakitangan pentadbiran akademik beliau pernah dilantik menjadi pengerusi jawatankuasa mengkaji semula pengajian bahasa Arab dan anggota Lembaga Pengajian yang merupakan salah satu badan terpenting dalam struktur organisasi YPTIK. Fungsi jawatankuasa Lembaga Pengajian ini ialah:

- i) Membuat peraturan-peraturan berhubung dengan pelajaran, kemasukan pelajar dan peperiksaan.
- ii) Mengawasi pelaksanaan sistem pelajaran di YPTIK.
- iii) Pengurniaan Ijazah, Diploma dan Sijil.
- iv) Menilai dan mengiktiraf sijil-sijil sekolah agama bagi tujuan kemasukan pelajar.⁴³

Selain dari itu, beliau juga turut memberi sumbangan kepada bidang pendidikan di luar YPTIK melalui penglibatannya dengan Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK). MAIK telah melantik beliau sebagai Ahli Jawatankuasa Lembaga Peperiksaan. Fungsi Lembaga Peperiksaan Majlis Agama Islam Kelantan akan dijelaskan secara terperinci selepas ini.

Lembaga Peperiksaan Majlis Agama Islam Kelantan

Pada tahun 1968 terdapat sebanyak 158 buah sekolah agama di seluruh negeri Kelantan yang berdaftar dengan Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) dan jumlah ini tidak termasuk 6 buah sekolah yang memang sepenuhnya di bawah tadbiran majlis. Semua sekolah ini menggunakan sukatan pelajaran dan sistem persekolahan yang sama tetapi hanya sijil atau *syahadah* daripada Maahad Muhammadi sahaja yang mendapat pengiktirafan daripada Universiti al-Azhar, Mesir. Menyedari hakikat ini dan bagi tujuan mewujudkan satu bentuk peperiksaan yang seragam di antara sekolah-sekolah agama maka pentadbiran Majlis Agama Islam Kelantan telah mengambil inisiatif menubuhkan Lembaga Peperiksaan Sijil Sekolah-sekolah Agama Kelantan pada tahun 1968.⁴⁴ Fungsi utama Lembaga Peperiksaan ini ialah:

1. Untuk menyelaras dan menyeragam sistem pendidikan di sekolah-sekolah agama di dalam negeri.
2. Untuk menyatu dan menyamakan secara praktikal sukatan-sukatan matapelajaran sekolah-sekolah ini.
3. Untuk memberi nilai yang sama kepada semua lulusan sekolah-sekolah tersebut.
4. Untuk mengeluarkan sijil-sijil setara kepada pelajar-pelajar di semua sekolah agama.⁴⁵

Pada 1 Julai 1968 Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan dengan nasihat MAIK telah berkenan melantik satu Jemaah Tadbir Lembaga bagi tempoh 2 tahun yang bermula 1 Jun 1968 dan berakhir pada 20 Jun 1970 bagi mentadbir, merancang dan menjalankan tugas Lembaga sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan-peraturan yang diluluskan sebelumnya. Jemaah Tadbir ini dipengerusikan oleh Tuan Haji Abdul Kadir bin Abdullah dengan Pegawai Pelajaran MAIK, Tuan

⁴³ Buku Penerangan Umum YPTIK 1973, *op. cit.* h. 7.

⁴⁴ Abdul Razak Mahmud (1988), "Dua Puluh Tahun Lembaga Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Agama Kelantan", *Pengasuh*, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Bil. 495, November – Disember 1988, Kota Bharu, h. 36.

⁴⁵ *Ibid.*

Haji Hassan bin Haji Idris bertindak sebagai setiausaha dan Che Husin bin Abdul Ghani sebagai Bendahari Lembaga. Seterusnya seramai sepuluh orang telah dilantik menjadi ahli Jemaah Lembaga iaitu: Nik Ishak Bin Datuk Haji Nik Daud, Yang Berhormat Ustaz Abu Bakar Bin Hamzah, Haji Ismail Bin Ishak, Ustaz Mohd Mahayuddin Bin Haji Abdullah, Muhammad Yusuf Bin Mustafa, Hassan Bin Muhammad Amin, Che Ismail Bin Daud dan Ustazah Hajah Che Salaman Bt Hassan.⁴⁶

Peperiksaan pertama di bawah pengendalian Lembaga mula dijalankan pada tahun 1968. Sejumlah dua ratus lapan puluh orang calon dari Maahad Muhammadi Kota Bharu, Kelantan telah menduduki peperiksaan bagi mendapatkan dua sijil yang ditawarkan iaitu: *Syahadah Rabi'ah Sanawiyyah* (Sijil Menengah Agama) dan *Syahadah Diniyyah Aliah* (Sijil Tinggi Agama). Keputusan bagi sijil pertama ialah seramai satu ratus tiga puluh lima orang daripada dua ratus enam orang calon telah lulus, sementara keputusan bagi sijil kedua pula ialah seramai enam puluh lapan orang daripada tujuh puluh empat orang calon telah lulus.⁴⁷

Hasil usaha pihak Jemaah Lembaga Peperiksaan ini telah menghasilkan kejayaan apabila sijil-sijil yang dikeluarkan oleh Lembaga telah mendapat pengiktirafan daripada YPTIK dan Kerajaan Negeri Kelantan. Perkembangan positif selanjutnya berlaku di tahun 70an dan 80an apabila lulusan Sijil Tinggi Agama Lembaga Peperiksaan Majlis Agama Islam Kelantan telah diiktiraf dan diterima sebagai syarat bagi memasuki Universiti-universiti seperti Universiti Madinah, Riyadh, *Ummul Qura* dan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.⁴⁸

Pengiktirafan daripada beberapa Universiti di Timur Tengah ini menyebabkan ramai pelajar sekolah agama berlumba-lumba untuk mendapatkan Sijil Lembaga Peperiksaan Majlis Agama Islam Kelantan bagi memudahkan mereka mendapat tempat di Universiti Islam di luar negeri. Calon-calon peperiksaan ini bukan sahaja datang dari kalangan pelajar-pelajar agama dalam negeri Kelantan sahaja bahkan ada juga dari kalangan pelajar agama beberapa buah negeri lain di Malaysia bahkan juga dari luar Malaysia. Sebagai contohnya, pada tahun 1983 pelajar sekolah agama di Brunei Darussalam telah mulai mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Agama anjuran Lembaga. Ini kemudiannya diikuti oleh pelajar sekolah agama di Singapura iaitu pada tahun 1985 sehingga pihak berkuasa Lembaga terpaksa mengadakan pusat-pusat peperiksaan di negara-negara tersebut.⁴⁹

Rekod dan prestasi cemerlang ini dapat dibanggakan hasil daripada usaha gigih dan kerja keras serta dedikasi pihak jemaah Lembaga yang salah seorang daripada anggotanya ialah Ustaz Mohd Mahayuddin. Dalam usaha memantapkan serta memperkemaskan sistem peperiksaan, pihak majlis sering menghantar beliau bersama Pegawai Lembaga Peperiksaan yang lain melawat ke beberapa buah negeri seperti Terengganu, Kedah dan Perak bagi meninjau sistem peperiksaan sijil agama di negeri-negeri tersebut. Lawatan tersebut bermula pada 12 Jun hingga 17 Jun 1971.⁵⁰

Semasa memegang jawatan sebagai Pegawai dan juga sebagai Setiausaha Lembaga Peperiksaan, beliau berperanan memastikan tahap pengajaran dan peperiksaan di sekolah-sekolah agama di Kelantan khususnya berada pada tahap yang tinggi bagi memastikan pelajar lulusannya dapat diterima oleh institusi pendidikan yang lebih tinggi kedudukannya.

⁴⁶ Muhammad Yunan Mahmood (1997), *Sejarah Maahad Muhammadi 1937-1997*, Zulrahim Sdn. Bhd., Kota Bharu, h. 101.

⁴⁷ *Ibid.*, h. 109.

⁴⁸ Abdul Razak Mahmud (1988), *Dua Puluh Tahun Lembaga Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Agama Kelantan*, *op. cit.*, h. 41.

⁴⁹ *Ibid.*

⁵⁰ Fail Peribadi, *op. cit.*

Kesimpulan

Sejarah hidup seorang tokoh agama dan ilmuwan Islam yang banyak berbakti terutama dalam meningkatkan mutu pendidikan tinggi Islam di Kelantan kekal sehati dalam hati dan sebutan rakyat Kelantan. Beliau telah menghabiskan usianya untuk Islam sejak dari awal pengajiannya sehingga ke akhir hayat demi pembangunan dan perkembangan Islam di Kelantan. Kini anak-anak didik beliau semasa di Maahad Muhammadi dan di YPTIK telah menyambung risalah perjuangannya dalam bentuk dan rupa yang tersendiri di seluruh pelusuk tanah air.

Sebagai anak jati Kelantan, sumbangan beliau begitu besar sekali terutamanya kepada negeri Kelantan khususnya dalam bidang pendidikan tinggi Islam yang diabadikan semasa di YPTIK dan juga pentadbiran dan undang-undang Islam di Kelantan. Ketokohan yang ditunjukkan oleh beliau di dalam usaha merintis pendidikan tinggi Islam telah membuka ruang kepada generasi baru untuk meneruskan usaha murni ini. Walaupun kini YPTIK sudah bertukar nama kepada Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya namun jasa dan obor perjuangan generasi perintis dalam menubuhkannya masih segar menyulami semangat perjuangan warga APIUM dan seluruh anak didik beliau dan juga mereka yang pernah menimba ilmu dengan beliau.

Rujukan

Ab. Halim Ahmad & Khoo Kay Kim (ed). (1982), "Pendidikan Islam di Kelantan", *Beberapa Aspek Warisan Kelantan*, Kota Bharu: Perbadanan Musium Negeri Kelantan.

Abdul Razak Mahmud (1988), "Dua Puluh Tahun Lembaga Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Agama Kelantan", *Pengasuh*, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Bil. 495, November – Disember 1988, Kota Bharu.

Abdullah Alwi Haji Hassan (1996), *The Administration of Islamic Law in Kelantan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Abdullah Nakula (1964), "Kelantan Dalam Zaman Long Yunus", *Jurnal Persatuan Sejarah Kelantan*, bil. 1, Kota Bharu: Persatuan Sejarah Kelantan.

Buku Cenderamata Sambutan 10 Tahun YPTIK, *op. cit.*

Fail peribadi Ustaz Mohd Mahayuddin Bin Haji Abdullah di Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan.

Haji Dasuki Bin Haji Ahmad, 1980, *Ikhtisar Perkembangan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Haji Daud bin Muhammad (1999), "Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah dan Perkembangan Undang-undangnya di Negeri Kelantan", *Majalah al-Wasilah*, bil. 2, Kota Bharu: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, Jun 1999.

Majalah Pengasuh, bilangan 425, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1977.

Mohamad Sarim Haji Mustajab (1973), "Kedudukan Islam di Kelantan Menjelang Kemasukan British", *Widya* 9, 51-54 Mei 1973.

Muhammad Yunan Mahmood (1997), *Sejarah Maahad Muhammadi 1937-1997*, Zulrahim Sdn. Bhd., Kota Bharu.

Nik Ahmad bin Hj. Nik Hassan (1964/65), "Kajian Ringkas Mengenai Keturunan Long Yunus Kelantan Dari 1756-1920", *Jurnal Persatuan Sejarah Kelantan*, bil. 1, Kota Bharu: Persatuan Sejarah Kelantan.

Nik Mohamed Nik Mohd Salleh (1985), “Perkembangan Pendidikan atau Pengajian Islam di Negeri Kelantan”, dalam *Warisan Kelantan IV*, c. I, Selangor : United Selangor Press Sdn. Bhd.

Pauzi bin Haji Awang (t.t), “Perkembangan Pendidikan Islam di Kelantan”, dalam *Sambutan 10 Tahun Yayasan Pengajian Tinggi Kelantan*, Kota Bharu : YPTIK.

Rahmat Saripan (1979), *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan 1776-1842*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

William R. Roff (1974), *Kelantan: Religion, Society And Politics In Malay State*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Temuramah

Temuramah dengan Haji Yaakub Bin Awang di rumahnya di Mukim Lundang, Kota Bharu pada 18 Oktober 2002.

Temuramah dengan Hajjah Kamariah Bt Ismail, isteri tokoh di rumahnya di Jalan Masjid Lundang, Kota Bharu pada 28 Mei 2002.

Temuramah dengan Mohd Zain Bin Hussin, anak saudara tokoh di rumahnya di Mukim Lundang, Kota Bharu pada 18 Oktober 2002.

Temuramah dengan Profesor Madya Abdul Kadir Bin Haji Muhammad di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kota Bharu, *op. cit.*

Temuramah dengan Ustaz Yahya Othman di rumahnya di Kota Bharu, *op. cit.*